



**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN PEJABAT CAWANGAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN
DAN MAKLUMAN BERKAITAN OPERASI PEJABAT TAPAK**

1.0 PANDUAN UMUM

1.1 Tujuan

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada firma perunding ukur bahan yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) mengenai prosedur dan syarat-syarat permohonan pendaftaran pejabat cawangan firma perunding ukur bahan serta makluman berkaitan operasi pejabat tapak.

1.2 Latar Belakang

Garis Panduan Pendaftaran Pejabat Cawangan pernah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling LJBM No 1/2011 bertarikh 19.09.2011 dan telah dikemaskini melalui Garis Panduan Pendaftaran LJBM (Pindaan November 2016).

Garis Panduan ini akan memperjelaskan ayat terakhir dalam perkara 6.1.6: Garis Panduan Pendaftaran LJBM (pindaan November 2016) berkaitan Operasi Pejabat Tapak.

1.3 Tafsiran

Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam Garis Panduan ini melainkan jika konteksnya membawa maksud yang berbeza :

- (a) "Firma Perunding Ukur Bahan" bermaksud firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang sah mengikut tahun semasa yang dikeluarkan oleh LJBM;
- (b) "Pejabat Cawangan" merupakan pejabat yang menawarkan dan menjalankan perkhidmatan ukur bahan yang sama seperti pejabat induk tetapi berada di lokasi geografi yang berlainan dari pejabat induk;
- (c) "Pejabat Tapak" merupakan pejabat sementara yang beroperasi di tapak projek atau berada di lokasi geografi yang berhampiran dengan tapak projek, khusus untuk menyelia operasi projek tersebut sahaja. Pengurusan dan pengendalian pejabat tapak adalah di bawah tanggungjawab pihak klien bagi projek tersebut.



**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN PEJABAT CAWANGAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN
DAN MAKLUMAN BERKAITAN OPERASI PEJABAT TAPAK**

2.0 GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PEJABAT CAWANGAN

2.1 Syarat Penubuhan Pejabat Cawangan

2.1.1 Pejabat Cawangan diuruskan secara sepenuh masa oleh seorang Juruukur Bahan Consultant (CQS) atau Juruukur Bahan Professional (PQS) yang dilantik sebagai Pengurus Cawangan, tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan dan kelayakan seperti berikut:

- (a) Pendaftaran sebagai CQS / PQS yang berstatus aktif dengan LJBM;
- (b) Bagi lantikan Pengurus dari kalangan Pengarah/ Rakankongsi firma: Pengurus Cawangan yang dilantik **BUKAN** dalam kalangan Pengarah/Rakankongsi yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal harian firma di ibu pejabat secara sepenuh masa;
- (c) Bagi lantikan Pengurus dari kalangan kakitangan firma: Pengurus Cawangan yang dilantik adalah kakitangan sepenuh masa. Pemohon perlu mengemukakan bukti pelantikan sebagai kakitangan firma bersama-sama dengan permohonan.

2.1.2 Bagi firma Praktis Multi-Disiplin (MDP), pejabat cawangan hendaklah diuruskan secara sepenuh masa oleh sama ada seorang CQS/ PQS, *Professional Engineer / Professional Engineer with Practising Certificate* ataupun *Architect*.

2.1.3 Pengarah firma berstatus Pertubuhan Perbadanan dengan Pengarah Tunggal dan Prinsipal Firma berstatus Ketuanpunyaan Tunggal tidak dibenarkan dilantik sebagai Pengurus Cawangan.

2.1.4 Jumlah Pejabat Cawangan yang dibenarkan bagi sesebuah firma :

- (a) Ketuanpunyaan Tunggal : 2 Pejabat Cawangan
- (b) Perkongsian : 4 Pejabat Cawangan
- (c) Pertubuhan Perbadanan : Tiada Had Ditetapkan

2.1.5 Had Lantikan Bagi Seorang Pengurus Cawangan:

- (a) Rakankongsi Firma : Empat (4) Pejabat Cawangan
- (b) Pengarah Firma : Tiada Had Ditetapkan
- (c) Kakitangan Firma : Satu (1) Pejabat Cawangan Sahaja

Nota : tertakluk kepada syarat pelantikan pengurus cawangan seperti di perkara 2.1.1



**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN PEJABAT CAWANGAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN
DAN MAKLUMAN BERKAITAN OPERASI PEJABAT TAPAK**

2.2 Pendaftaran Pejabat Cawangan

2.2.1 Permohonan Pendaftaran

Permohonan dibuat secara atas talian melalui sistem ReQSys. Panduan permohonan boleh dirujuk melalui laman sesawang LJBM di www.bqsm.gov.my

2.2.2 Pembaharuan Pendaftaran Pejabat Cawangan

Permit Pejabat Cawangan perlu diperbaharui sebelum 31 Januari setiap tahun. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan permit dibatalkan dan sekiranya ingin diaktifkan semula, permohonan pendaftaran semula perlu dikemukakan. Nombor pendaftaran baharu akan didaftarkan. Panduan permohonan boleh dirujuk melalui laman sesawang LJBM di www.bqsm.gov.my

2.3 Maklumat Pejabat Cawangan Di Kepala Surat Firma Perunding Ukur Bahan

Firma Perunding Ukur Bahan yang memiliki Pejabat Cawangan perlu menyenaraikan perkara-perkara berikut di kepala surat:

- (i) Alamat pejabat cawangan; dan
- (ii) Nama pengurus cawangan

3.0 SYARAT OPERASI PEJABAT TAPAK FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN

Pejabat tapak tidak dibenarkan dalam mana-mana cara atau sudut untuk :

- (i) Beroperasi sebagai pejabat cawangan
- (ii) Memberi sebarang perkhidmatan perunding ukur bahan untuk projek selain daripada kerja penyeliaan tapak projek yang berkenaan, tanpa mengira sama ada menerima yuran perunding ke atas perkhidmatan yang diberi atau tidak.

Firma Perunding Ukur Bahan perlu memastikan fasiliti pejabat tapak yang digunakan oleh kakitangan mereka untuk penyeliaan projek adalah Pejabat Tapak yang disediakan dan disahkan oleh pihak klien bagi projek tersebut.

4.0 DEKLARASI SENARAI PEJABAT CAWANGAN

Firma perunding ukur bahan diwajibkan untuk mengemukakan deklarasikan mengenai senarai aktif Pejabat Cawangan masing-masing secara tahunan kepada LJBM. Deklarasi perlu dikemukakan semasa pembaharuan pendaftaran tahunan firma melalui sistem ReQSys.



**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN PEJABAT CAWANGAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN
DAN MAKLUMAN BERKAITAN OPERASI PEJABAT TAPAK**

5.0 PEMBATALAN

Garis Panduan ini membatalkan Garis Panduan Pendaftaran Pejabat Cawangan yang pernah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling LJBM No 1/2011 bertarikh 19.09.2011.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai 10 September 2021

7.0 PEMAKAIAN

Garis Panduan ini terpakai untuk semua firma perunding ukur bahan dan ahli-ahli berdaftar LJBM dan boleh dipinda oleh LJBM pada bila-bila masa mengikut keperluan.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh dimajukan melalui emel ke alamat info@bqsm.gov.my

Sr Jamisah binti Ibrahim, CQS
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

e